a

HUSSAIN MANAF, EX P MALAYAN BANKING BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUANTAN
BAHARUDIN SHAH H
[KEBANKRAPAN NO: 29-360-1997]
10 DECEMBER 2001

b

PROSEDUR SIVIL: *Penghakiman dan perintah - Ketaksahan perintah - Kebankrapan - Perintah supaya notis dan petisyen "diketepikan ataupun dibatalkan ataupun digantung" - Sama ada tiada kepastian - Sama ada arbitrary dan tak sah - Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 56 k. 1(1),*
c *A. 92 k. 4*

KEBANKRAPAN: *Perbuatan kebankrapan - Notis kebankrapan - Pematuhan - Sama ada jumlah tuntutan harus dibayar sepenuhnya - Pembayaran sebahagian jumlah tuntutan - Sama ada tidak mengelakkan perbuatan kebankrapan - Sama ada bukan alasan untuk mengenepikan notis dan petisyen*
d *- Akta Kebankrapan 1967, ss. 5, 93(4), 131 - Kaedah-kaedah Kebankrapan 1969, kk. 117, 215, 275*

Pemiutang penghakiman di sini ('perayu') telah mengeluarkan notis kebankrapan terhadap responden menuntut sejumlah RM21,438.68. Empat hari kemudian,
e responden membayar kepada perayu sebanyak RM6,228.39 sambil memberi akujanji untuk membayar bakinya secara beransur sebanyak RM2,000 sebulan. Responden gagal membayar ansuran seperti dijanji, berakibat perayu memfail petisyen pemiutangnya. Responden memohon untuk mengenepikan notis dan petisyen, dan berikutnya Penolong Kanan Pendafatar yang bijaksana ('PKP')
f mengeluarkan perintah supaya notis kebankrapan dan petisyen pemiutang 'diketepikan ataupun dibatalkan ataupun digantungkan'. Perayu merayu dan berhujah bahawa perintah PKP adalah kabur dan kerana itu adalah cacat dan tak sah. Dihujahkan selanjutnya bahawa petisyen tidak wajar diketepikan oleh PKP kerana responden jelas gagal mematuhi notis kebankrapan. Dalam hujah
g balasnya responden membangkitkan isu sama ada perayu boleh menerima sebahagian dari tuntutan dan meneruskan dengan petisyennya.

Diputuskan:

[1] Keputusan PKP tidak boleh dipertahankan. Relif substantif seperti yang dipohon responden dan dibenarkan PKP tidak mengandungi kepastian
h sama ada notis kebankrapan dan/atau petisyen diketepikan, dibatalkan ataupun digantung. Keputusan tersebut dengan itu menjadi arbitrary dan tak sah kerana tidak diketahui alternatif mana sebenarnya yang diputuskan. (ms 561 a)

[2] Walaupun rayuan terhadap keputusan PKP adalah secara pendengaran
i semula, mahkamah yang mendengar rayuan perlu mengetahui keputusan

sebenar yang dirayu. Ungkapan 'penghakiman, perintah atau keputusan Pendaftar' seperti yang tertera dalam A. 56 k. 1(1) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') memberi maksud satu dapatan yang sah dibuat. Dalam kes ini PKP tidak menyatakan pilihannya antara perintah-perintah yang dimohon. Dalam keadaan sedemikian, dan mengambilkira autoriti *Lai Yoke Ngan & Anor v. Chin Teck Kwee & Anor*, mahkamah harus melihat sama ada kecacatan tersebut sesuatu yang 'curable' dan jika tidak keputusan itu harus diketepikan. (ms 561 c-h & 562 a-b)

[2a] Dengan berlandaskan kuasa sedia ada mahkamah di bawah A. 92 k. 4 KMT, perintah PKP di sini tidak sesuai dikekalkan walaupun tanpa menimbang merit rayuan. Ia wajar diketepikan bagi mengelakkan sebarang keraguan. (ms 562 c)

[3] Bagi melepaskan diri dari kesan notis kebankrapan, responden perlulah membayar atau menawarkan bayaran penuh seperti dinyatakan dalam notis atau membuktikan persetujuan perayu untuk menerima bayaran yang ditawarkan sebagai penyelesaian penuh tuntutannya. Dalam keadaan yang wujud, jelas bahawa responden gagal menafikan bahawa perbuatan kebankrapan sememangnya telah berlaku. Permohonan responden adalah tidak bermerit sama ada dari segi bentuk mahupun substance. (ms 562 h & 563 c)

[Rayuan dibenarkan. Perintah PKP diketepikan].

Kes-kes yang dirujuk:

Kerpa Singh v. Bariam Singh [1966] 1 MLJ 38 ***(dibezakan)***

Lai Yoke Ngan & Anor v. Chin Teck Kwee & Anor [1997] 3 CLJ 305 ***(dirujuk)***

Malayan Banking Bhd v. Chua Keng Leng [1991] 3 CLJ 2522; [1991] 3 CLJ (Rep) 224 ***(diikuti)***

Malayan Banking Bhd v. Datuk Lim Kheng Khim (No 2) [1992] 3 CLJ 1616; [1992] 2 CLJ (Rep) 840 ***(dirujuk)***

Negara Properties Sdn Bhd v. Akitek Bersekutu Malaysia & Ors [1995] 2 MLJ 185 ***(dirujuk)***

OCBC Bank (Malaysia) Bhd v. Sethu Ambalagara Thevar [1998] 3 CLJ 563 ***(dirujuk)***

Re Fong Yuan Kwong, ex p Public Bank Bhd [1996] 4 MLJ 42 ***(dirujuk)***

Re Lim Chooi Sang, ex p Soon Fay Sdn Bhd [1999] 5 CLJ 605 ***(dibezakan)***

Re Loh Kok Huah, ex p Ban Hin Lee Bank Bhd [1991] 3 CLJ 1817; [1991] 3 CLJ (Rep) 183 ***(dirujuk)***

Re Mat Shah Safuan, ex p United Asia Bank Bhd [1991] 1 MLJ 48 ***(dirujuk)***

Sobri Arsad v. Associated Tractors Sdn Bhd [1991] 3 CLJ 798; [1992] 1 CLJ (Rep) 595 ***(dirujuk)***

United Overseas Bank Limited v. Heap Huat Rubber Co Sdn Bhd [1993] 3 CLJ 553 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Bankruptcy Act 1967, ss. 5, 93(4), 131, 133

Bankruptcy Rules 1969, rr. 117, 215, 275
Rules of the High Court 1980, O. 56 r. 1(1), O. 92 r. 4

Bagi pihak perayu - Nor Fuziah Ismail; T/n Raja Azhar Hussain & Safri
Bagi pihak responden - Sarengpani Rajoo; T/n Vendargon & Partners

Dilaporkan oleh WA Sharif

PENGHAKIMAN

Baharudin Shah H:

Ini adalah rayuan pemiutang penghakiman (perayu) terhadap keputusan penolong kanan pendaftar (PKP) yang telah dibuat pada 29 Disember 1998 di mana notis kebankrapan (NK) dan petisyen pemiutang (petisyen) di sini telah "diketepikan ataupun dibatalkan ataupun digantung" dengan kos.

Perayu telah memperolehi penghakiman persetujuan bertarikh 17 Mac 1997 terhadap penghutang penghakiman (responden) dan NK telah dikeluarkan pada 26 Disember 1997 (lihat kandungan 2) dan diserahkan secara ke diri kepada responden pada 18 Januari 1998. NK tersebut menuntut responden supaya menjelaskan jumlah RM21,438.68 dalam masa tujuh harj selepas serahan. Pada 22 Januari 1998 responden telah memasukkan cek berjumlah RM6,228.39 ke dalam akaunnya No: 5400-6700-3006-3130 dengan perayu (lihat eks. P1 kepada kandungan 9B) dan seterusnya melalui surat bertarikh 2 Februari 1998 (lihat eks. P7 kepada kandungan 9B) memaklumkan hal itu kepada perayu serta membuat cadangan untuk membayar bakinya secara ansuran sebanyak RM2,000 sebulan. Perayu mengaku menerima bayaran serta cadangan responden itu tetapi hanya atas dasar "tanpa prasangka" seperti dimaklumkan kepada responden melalui surat bertarikh 12 Februari 1998 (lihat eks. kepada kandungan 10A) yang mensyaratkan supaya baki RM17,470.92 itu hendaklah dibayar secara ansuran bulanan RM2,000 mulai 1 Mac 1998 sehingga selesai dan mengekalkan haknya untuk meneruskan tindakan jika responden gagal membuat ansuran tersebut. Responden gagal membuat bayaran oleh itu pada 29 Mei 1998 perayu telah memfailkan petisyen (lihat kandungan 6A). Pada tarikh pertama pendengaran petisyen, iaitu 8 September 1998, peguam responden memaklumkan kepada PKP yang bijaksana bahawa mereka akan memfailkan saman dalam kamar (SDK) untuk mengenepikan NK.

Dengan SDK ini (lihat kandungan 9A) yang difailkan pada 14 September 1998, responden memohon perintah seperti berikut:

(a) bahawa penghutang penghakiman diberikan kebenaran untuk memfailkan permohonan dan segala lanjutan masa diberi untuk memfailkan permohonan ini;

(b) bahawa notis kebankrapan dan petisyen pemiutang di sini diketepikan ataupun dibatalkan ataupun digantungkan;

(c) Kos permohonan ini dan kos kebankrapan ditanggung dan dibayar oleh pemiutang penghakiman.

(d) Apa-apa relif lain yang wajar dan suaimanfaat.

SDK telah didengar oleh PKP yang telah memutuskan bahawa permohonan di kandungan 9A itu dibenarkan dengan kos. Terhadap keputusan inilah pihak perayu sekarang merayu (lihat kandungan 12A).

Semasa pendengaran rayuan ini di hadapan saya pada 11 Ogos 1999, peguambela yang bijaksana Cik Noor Fuziah yang mewakili perayu menghujahkan bahawa SDK hanya difailkan pada 14 September 1998 untuk tiga relif tersebut sedangkan mengikut k. 117 Kaedah Kebankrapan, penentangan perlu dibuat tiga hari sebelum tarikh pendengaran. Menurutnya permohonan itu terlalu lewat, iaitu disampaikan enam hari selepas tarikh pendengaran petisyen. Tambahnya, lagi k. 275 Kaedah Kebankrapan membenarkan perlanjutan masa diberikan oleh mahkamah atas sebab khusus dan baik ditunjukkan, tetapi alasan-alasan yang diberi di para (a) hingga (e) SDK bukan 'good cause' bagi kelewatan. Merujuk kepada prayer (b), dan alasan (a) dan (b) yang diberikan, iaitu jumlah tidak tepat, beliau merujuk kepada NK dan menyatakan tiada penyangkalan dibangkitkan terhadap jumlah yang dituntut setakat tarikh NK, oleh itu perbuatan kebankrapan telah berlaku. Mengenai bayaran serta cadangan bayaran ansuran bagi bakinya, ia dihujahkan dibuat lewat selepas serahan NK dan juga diterima secara tanpa prasangka dengan syarat ia mula dibayar pada 1 Mac 1998. Responden telah mungkir dan di atas kemungkiran itu, perayu telah meneruskan dengan petisyen. Kes *OCBC Bank (Malaysia) Bhd v. Sethu Ambalagara Thevar* [1998] 3 CLJ 563 dirujuk bagi menyatakan bahawa kegagalan mematuhi NK adalah perbuatan kebankrapan. Berpandukan kepada kes *Malayan Banking Bhd v. Datuk Lim Kheng Khim (No 2)* [1992] 3 CLJ 1616; [1992] 2 CLJ (Rep) 840, peguam seterusnya menghujahkan bahawa penentangan adalah lewat oleh itu permohonan itu tidak wajar dibenarkan. Selanjutnya dihujahkan bahawa petisyen dikeluarkan berasaskan NK, maka jumlah yang dinyatakan adalah mengikut NK tanpa dikira bayaran selepasnya. Dengan merujuk kepada s. 5 Akta Kebankrapan 1967 (selepas ini disebut Akta) yang menetapkan jumlah mesti melebihi RM10,000, peguam menegaskan bahawa walaupun diambil kira pembayaran selepas NK jumlah terhutang masih melebihi had statutori itu. Atas authoriti kes *Re Fong Yuan Kwong, ex p Public Bank Bhd* [1996] 4 MLJ 42; *Re Loh Kok Huah, ex p Ban Hin Lee Bank Bhd* [1991] 3 CLJ 1817; [1991] 3 CLJ (Rep) 183 dan *Malayan Banking Bhd v. Datuk Lim Kheng Khim (supra)*, beliau menghujahkan petisyen tidak wajar diketepikan. Oleh itu beliau mengatakan PKP silap membatal atau mengenepikan petisyen.

Mengenai isu lain yang dibangkitkan, iaitu petisyen dikatakan cacat sebab tiada kuasa wakil, peguam perayu menhujahkan tiada keperluan mengemukakan surat

kuasa wakil sebab petisyen dikeluarkan sendiri oleh Malaya Banking Berhad dan ditandatangi oleh pegawainya. Kaedah 215 Kaedah Kebankrapan dan kes *Re Mat Shah Safuan, ex p United Asia Bank Bhd* [1991] 1 MLJ 48 dirujuk. Juga dihujahkan tandatangan pegawai itu berserta seal Malayan Banking Berhad adalah mencukupi dan takrif 'seal' dalam *Stroud's Judicial Dictionary*, vol. 5 dirujuk sebagai authoriti dan dihujahkan kecacatan mengenainya tidak membatalkan petisyen dengan merujuk kepada s. 131 Akta.

Di dalam hujahan balasnya, En Sarengapani bagi responden menyatakan sebab-sebab kelewatan telah diberikan di para. 6 afidavit kandungan 9B dan sijil-sijil sakit di eks. P3. Beliau juga merujuk kepada s. 93(4) Akta yang memberi kuasa kepada mahkamah untuk melanjutkan masa.

Menurutnya, responden tidak mencabar penghakiman tetapi hanya prosiding yang diambil. Sebahagian jumlah yang dituntut dalam NK dibayar dalam tempoh tujuh hari yang dibenarkan dan jumlah itu tidak dikembalikan. Persoalan yang ditimbulkan olehnya ialah apabila menerima jumlah ditawarkan itu, bolehkah perayu meneruskan dengan tindakannya. Dengan merujuk kepada kes *Kerpa Singh v. Bariam Singh* [1966] 1 MLJ 38 dan *OCBC Bank (Malaysia) v. Sethu Ambalagara Thevar* [1998] 3 CLJ 563, peguam yang bijaksana responden menghujahkan perayu tidak boleh menerima sebahagian tuntutan tetapi meneruskan juga dengan petisyen.

Di atas isu lain peguam yang bijaksana menghujahkan cop yang digunakan tidak boleh dianggap sebagai 'seal' responden yang memberikan kepada pegawainya kuasa. Beliau merujuk kepada ke *Re Mat Shah Safuan, ex p United Asia Bank Bhd (supra)* dan juga *Re Lim Chooi Sang, ex p Soon Fay Sdn Bhd* [1999] 5 CLJ 605. Hujahnya tiada di mana-mana menunjukkan pegawai itu diberi kuasa bermeterai untuk menandatangan petisyen bagi pihak responden. Takrif 'seal' dalam *Mozley & Whiteley's Law Dictionary*, 11th edn sebagai 'wax impressed with a device and attached as mark of authenticity' dirujuk.

Mengenai afidavit kebenaran kenyataan dalam petisyen yang ditandatangan oleh pegawai berkenaan di Kuala Lumpur pada 30 April 1998 pukul 8.30 pagi sedangkan petisyen ditandatangan olehnya pada hari yang sama di Kuantan dengan disaksikan oleh peguam di Kuantan, dihujahkan ia adalah suatu perkara yang mustahil dan tak mungkin afidavit itu ditandatangan selepas petisyen. Kes *Sobri bin Arsad v. Associated Tractors Sdn Bhd* [1991] 3 CLJ 798; [1992] 1 CLJ (Rep) 595 dirujuk untuk menguatkan hujah itu.

Di akhir penghujahan peguam, saya telah bertanya kepadanya sama ada perintah yang dibuat secara alternatif (diketepi, dibatal atau digantung) itu boleh dipertahankan. En Sarengapani telah menjawap secara ringkas bahawa rayuan adalah secara pendengaran semula maka mahkamah boleh memerintahkan salah

satu daripadanya. Pada pandangan saya, persoalan ini adalah penting memandangkan relif substantif yang dimohon di dalam prayer (b) dan dibenarkan tiada kepastian sama ada NK dan/atau petisyen diketepikan, dibatalkan, ataupun digantung. Alternatif mana sebenar yang diputuskan tidak diketahui. Oleh itu keputusan itu menjadi arbitrary dan dengan itu tidak sah.

Adalah menjadi undang-undang yang biasa (trite law) bahawa rayuan terhadap keputusan PKP adalah secara pendengaran semula. (Rujuk kes *United Overseas Bank Limited v. Heap Huat Rubber Co Sdn Bhd* [1993] 3 CLJ 553 dan *Negara Properties Sdn Bhd v. Akitek Bersekutu Malaysia & Ors* [1995] 2 MLJ 185.) Dengan hormatnya, PKP telah membuat keputusan yang tidak boleh dipertahankan. Walaupun rayuan terhadap keputusan PKP adalah secara pendengaran semula, hakim yang mendengar rayuan itu perlu mengetahui keputusan sebenar yang dirayu. Saya bersetuju dengan pandangan Dato' Mahadev Shanker J (ketika itu) dalam kes *Malayan Banking Bhd v. Chua Keng Leng* [1991] 3 CLJ 2522; [1991] 3 CLJ (Rep) 224 seperti berikut:

> ... the Senior Assistant Registrar should forthwith have proceeded to dispose of the matter before her on the merits. ... Order 56 r. 1(1) which permits an appeal from any judgment order or decision of the Registrar cannot in my view apply to the ruling she made, any more than a ruling as to which party should begin, or whether some particular piece of evidence was admissible or otherwise. To be appealable the judgment order or decision must dispose of the particular matter the Registrar was called upon to try and not merely peripheral thereto. It would have been otherwise if she had decided the preliminary points in favour of the defendant because that would have effectively precluded the plaintiff from proceeding further.

Jika dirujuk kepada A. 56 k. 1(1) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ianya menyatakan:

> Suatu rayuan terhadap apa-apa penghakiman, perintah atau keputusan Pendaftar, hendaklah dibuat kepada Hakim dalam kamar.

Pada pertimbangan saya "penghakiman, perintah atau keputusan pendaftar" yang dimaksudkan adalah satu dapatan yang sah dibuat. Apa yang berlaku sekarang ialah PKP yang bijaksana pada hakikatnya tidak membuat apa-apa keputusan kerana tidak menyatakan pilihannya antara perintah-perintah yang dimohon. Dalam keadaan sedemikian apakah perintah yang patut dibuat oleh hakim yang berhadapan dengan rayuan itu? Untuk menjawab soalan itu, saya menerima panduan daripada Mahkamah Persekutuan dalam kes *Lai Yoke Ngan & Anor v. Chin Teck Kwee & Anor* [1997] 3 CLJ 319, di mana YA Gopal Sri Ram, HMR di ms. 319 menyatakan di dalam penghakimannya seperti berikut:

> Any proceeding commenced, or any order or judgment obtained, in breach of a rule of Court is always subject to the curative power of the Court available under O. 2 r. 1 of the Rules of the High Court 1980. Whether a particular

proceeding should be cured is, of course, a matter of discretion for the Court whose assistance is prayed in aid to effect the cure. ...

The proper approach is for a Court to accept that a breach of a rule of Court renders the particular proceeding irregular with a power in Court to excuse the non-compliance. That power, as in all matters calling for curial direction, is to be exercised judicially having regard to the substantial merits of a case and having particular regard to the interest of justice. ... Ultimately, it is the objective perception of a Court as to where the justice in a particular case lies that determines whether the irregularity should be cured. If the Court decides the particular case to be unfit for the exercise of the curative power, then it may set aside the judgment, order or other proceeding.

Berbalik kepada persoalan yang dihadapi, saya memutuskan perintah PKP itu tidak sesuai dikekalkan walaupun tanpa menimbang merit rayuan, oleh itu wajar ia diketepikan bagi mengelakkan sebarang keraguan. Dan berlandaskan kepada penghakiman Mahkamah Rayuan diatas kuasa sedia ada mahkamah di bawah A. 92 k. 4 KMT, boleh digunakan bagi maksud itu.

Memandangkan keperluan pendengaran semula rayuan, maka hujahan-hujahan peguam kedua-dua pihak telah diberi pertimbangan sewajarnya. Pada keseluruhannya seperti dihujah oleh peguam perayu, permohonan responden didapati tidak berasas baik dari segi bentuk ataupun dari segi substance. Oleh itu rayuan dibenarkan dan perintah PKP itu diketepikan dengan kos.

Berkenaan NK, walaupun alasan (b) dalam SDK mencabar jumlah yang dinyatakan, afidavit kandungan 9B yang menyokong permohonan tidak langsung merujuk atau mempertikai jumlah yang dituntut. NK diserah kepada responden pada 9 Januari 1998 sedangkan responden hanya jatuh sakit mulai 16 Mac 1998 (lihat eks. P3). Oleh itu tiada asas sama sekali ditujukkan bagi mahkamah membenarkan lanjutan tempoh untuk memfailkan permohonan, jauh sekali untuk membatal, mengenepi atau menggantung NK.

Petisyen dicabar di segi jumlah bayaran yang diterima oleh perayu dan didakwa gagal diambilkira. Afidavit responden sendiri menyatakan bahawa bayaran itu dibuat dengan cek yang dimasuk terus ke dalam akaun responden dengan perayu. Ia bukan dibuat untuk menyelesai jumlah yang dituntut dalam NK. Perayu hanya diberitahu tentang bayaran masuk itu selepas tempoh yang ditetapkan dengan cadangan penyelesaian yang gagal atau sebab kemungkiran responden sendiri. Untuk lepas daripada efek NK responden perlu membayar atau menawarkan bayaran penuh seperti dinyatakan dalam NK atau membuktikan persetujuan perayu untuk menerima bayaran yang ditawarkan sebagai penyelesian penuh tuntutannya (lihat OCBC *Bank v. Sethu Ambalagara Thevar* [1998] 3 CLJ 563.) Dalam keadaan yang wujud responden gagal menafikan telah berlaku perbuatan kebankrapan. Responden membandingkan kes ini dengan *Kerpa Singh v. Bariam Singh* [1966] 1 MLJ 38, tetapi di situ terdapat

persetujuan oleh pemiutang untuk menerima jumlah yang ditawarkan sebagai melepaskan keseluruhan tanggungan penghutang. Sebaliknya dalam kes *OCBC Bank v. Sethu Ambalagara Thevar (supra)* Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa pemiutang mesti menerima tawaran jumlah yang dinyatakan dalam NK sebagai penyelasan penuh kepada tuntutan walaupun tawaran itu dibuat pada hari pendengaran petisyen.

Walauapapun jua dalam kes ini dengan mengambil kira pembayaran yang dibuat sekalipun, responden masih terhutang kepada perayu lebih daripada had statutori RM1,000. Oleh itu mahkamah masih boleh membuat perintah penerimaan (lihat *Re Loh Kok Huah, ex p Ban Hin Lee Bank Bhd* [1991] 3 CLJ 1817; [1991] 3 CLJ (Rep) 183). Oleh itu cabaran responden terhadap petisyen jelas tidak bermerit.

Petisyen didakwa cacat kerana pegawai yang mengemukakannya bagi pihak perayu dikatakan tidak diberi kuasa bermeterai. Di sini afidavit kebenaran kenyataan dalam petisyen (kandungan 6B) jelas menyatakan yang deponennya "adalah pengurus pungutan pemiutang penghakiman yang telah diberi kuasa untuk menandatangan dan menerbitkan petisyen ..." dan kedua-dua petisyen dan afidavit itu ditandatangan oleh deponen dengan meterai perayu dicapkan di atasnya di hadapan peguam dan pesuruhjaya sumpah masing-masingnya. Oleh itu deponen itu sebagai pegawai perayu telah bertindak dengan kuasa bermeterai daripada perayu apabila mengemukakan petisyen. Inilah keadaan yang dimaksudkan dalam *Re Mat Shah Safuan, ex p United Asia Bank Bhd* [1991] 1 MLJ 48 sebagai memadai bagi mematuhi kehendak k. 215, walaupun di situ deponennya, pengurus pemiutang yang memegang kuasa wakil. Pada hemat saya k. 215 tidak bercanggah dengan s. 133 Akta tetapi menerangkan maksudnya. Di mana syarikat sendiri yang mengemukakan petisyen, tandatangan pegawai serta meterai syarikat adalah memandai untuk mengikat syarikat itu dalam prosiding melainkan terdapat pemalsuan. Jika syarikat melantik ejen untuk bertindak bagi pihaknya, ejen itu perlu diberi kuasa bermeterai dan menyatakan hal itu jika bertindak atas namanya sendiri; dan ejen itu dianggap 'pegawai' bagi maksud s. 133. Berkenaan tarif 'seal' penjelasan *Stroud's Judicial Dictionary* adalah lebih sesuai mengikut amalan terkini kerana wax tidak lagi digunakan. Kes *Re Lim Chooi Sang, ex p Soon Fay Sdn Bhd* [1999] 5 CLJ 605 perlu dibezakan dari segi fakta kerana di situ bukan saja petisyen dan afidavit berkaitan tidak menunjukkan deponen, iaitu pengarah pemiutang, diberi kuasa bermeterai tetapi tandatangan deponen dalam kedua-dua dokumen itu didapati berbeza dan diragukan. Oleh itu bantahan ini juga didapati tidak berasas. Dalam apa keadaan juga kecacatan-kecacatan bentuk yang dibangkitkan oleh responden jikapun terdapat, tidak menjejaskan prosiding dan tidak mendatangkan ketidakadilan kepada responden. (Rujuk s. 131 Akta)